

Dasar kalis cabaran global dorong peningkatan daya saing negara

● Malaysia perlu bangkit dan mengambil langkah perlu dengan menyesuaikan diri dengan perubahan global untuk meningkatkan daya saing negara

● Dalam menghadapi perubahan global yang pesat dan dinamik, Malaysia perlu mengambil langkah proaktif menyesuaikan diri dalam cabaran ekonomi global



Oleh Prof Madya Dr Md Fauzi Ahmad
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah dan Penyelidik Kanan Pengurusan Teknologi Pengeluaran, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Malaysia mengalami penurunan tujuh anak tangga kepada kedudukan ke-34 dalam Kedudukan Daya Saing Dunia 2024 mengikut laporan Institut Antarabangsa Pengurusan Pembangunan (IMD). Ia merosot empat anak tangga ke tempat ke-10 daripada 14 negara Asia Pasifik yang termasuk dalam ranking berkenaan.

Dalam rantau Asia Tenggara, Malaysia kini berada di kedudukan lebih rendah berbanding Thailand (ke-25) dan Indonesia (ke-27), namun masih lebih tinggi berbanding Filipina (ke-52).

Pada peringkat makro, Malaysia mencatatkan prestasi baik dalam beberapa bidang antaranya, menduduki tempat kedua dari segi harga, ke-10 dalam infrastruktur asas dan ke-11 dalam dasar cukai.

Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan ketara memerlukan perhatian yang menunjukkan negara kurang berdaya saing dalam bidang pendidikan (ke-44), perundangan perniagaan (ke-50) dan produktiviti serta kecekapan (ke-53).

Menurut IMD, cabaran utama perlu diatasi negara adalah meningkatkan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi mengukuhkan daya tahan perniagaan. Malaysia juga perlu mengoptimalkan pasaran buruh untuk memaksimumkan produktiviti tenaga kerja, mengemas kini dasar dan peraturan untuk meningkatkan daya saing global.

Selain itu, negara perlu memanfaatkan teknologi baharu untuk meningkatkan produktiviti negara, termasuk menangani cabaran peningkatan kos operasi.

Bermakna, Malaysia perlu menyesuaikan diri dengan konteks global yang berubah untuk mencipta nilai dan kesejahteraan kepada rakyat. Dalam konteks perubahan global pantas dan dinamik, Malaysia perlu mengadaptasi strategi berkesan untuk kekal relevan.

Perubahan global ini meliputi perkembangan teknologi, perubahan iklim, dinamika ekonomi global dan perubahan dalam pola perdagangan antarabangsa. Oleh itu, Malaysia perlu bangkit dan mengambil langkah perlu dengan menyesuaikan diri dengan perubahan global untuk meningkatkan daya saing negara.

Pertama, penggunaan teknologi baharu adalah kunci utama dalam meningkatkan daya saing

negara. Teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), internet kebendaan (IoT) dan data raya mempunyai potensi besar untuk memacu inovasi dan produktiviti negara.

Negara juga perlu memperkasakan usaha dalam penerapan teknologi digital. Bagi mengatasi jurang ini, kerajaan perlu menyediakan insentif kewangan dan sokongan infrastruktur mencukupi. Selain itu, pendidikan dan latihan dalam bidang teknologi baharu perlu diperkasakan untuk memastikan tenaga kerja mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk mengendalikan teknologi terkini.

Aspek pelaburan dalam R&D adalah kritikal untuk memastikan Malaysia kekal kompetitif dalam ekonomi global. Negara maju seperti Korea Selatan dan Jepun menunjukkan pelaburan besar dalam R&D membawa kepada inovasi signifikan serta pertumbuhan ekonomi mampan.

Kerajaan perlu meningkatkan peruntukan untuk R&D dan menyediakan insentif menarik supaya sektor swasta melabur dalam bidang ini. Di samping itu, kerjasama antara universiti dan industri perlu diperkukuhkan. Dengan cara ini, Malaysia dapat membina ekosistem inovasi yang kukuh dan berdaya saing.

Di samping itu, pasaran buruh fleksibel dan dinamik adalah penting untuk memastikan tenaga kerja dapat memenuhi keperluan industri berubah dengan cepat. Maka, dasar buruh perlu dinilai semula untuk memastikan ia selaras dengan keperluan industri moden.

Program latihan semula dan peningkatan kemahiran perlu diperluaskan untuk memastikan tenaga kerja sentiasa relevan dengan perkembangan teknologi terkini. Kursus latihan perlu lebih menumpukan kepada kemahiran digital dan teknikal.

Insentif perlu diberikan kepada syarikat menyediakan latihan kepada pekerja mereka. Dengan cara ini, Malaysia dapat memastikan tenaga kerja kompeten dan berdaya saing pada peringkat global.

Dasar dan perundangan bersesuaian

Dasar dan perundangan yang sesuai adalah penting untuk meningkatkan daya saing global. Maka, kerajaan perlu menjalankan kajian menyeluruh terhadap peraturan sedia ada dan membuat penyesuaian untuk menjadikannya lebih mesra perniagaan.

Dalam pada itu, proses birokrasi rumit dan membebankan perlu dikurangkan untuk mempercepatkan kelulusan serta pelaksanaan projek.

Langkah seperti penambahbaikan sistem pentadbiran dan penerapan e-kerajaan boleh mengurangkan birokrasi pentadbiran.

Hari ini, penggunaan teknologi hijau dan amalan pengurusan cekap menjadi antara faktor boleh membantu mengurangkan kos dan pada masa yang sama meningkatkan kesedaran reputasi perniagaan dalam aspek keselamatan.

Maka, kerajaan perlu menyediakan insentif untuk syarikat mengamalkan teknologi hijau dan pengurusan mampan dalam operasi mereka.

Kerajaan perlu meningkatkan kesedaran dan menggalakkan industri terhadap penggunaan tenaga diperbaharui serta mengurangkan ketergantungan kepada bahan api fosil dengan menumpukan amalan pengeluaran lebih hijau dan mampan.

Pada masa sama, pasaran baharu muncul seperti China, India, Brazil, Indonesia dan Turkiye yang mengalami pertumbuhan dan pembangunan pesat dalam beberapa dekad kebelakangan ini. Maka, Malaysia perlu memanfaatkan potensi pasaran ini untuk meningkatkan daya saingnya.

Selain itu, infrastruktur berkualiti adalah asas kepada daya saing negara. Malaysia menunjukkan prestasi baik dalam infrastruktur asas, apabila menduduki tempat ke-10 dalam laporan IMD. Bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan, terutama infrastruktur digital seperti rangkaian internet berkelajuan tinggi perlu diperkukuhkan untuk menyokong ekonomi digital.

Infrastruktur pengangkutan seperti jalan raya, rel dan pelabuhan masih perlu dipertingkatkan untuk memastikan kelancaran logistik dan perdagangan. Pelaburan dalam infrastruktur perlu dipertingkatkan dan dirancang dengan teliti untuk memastikan ia memenuhi keperluan masa depan.

Bidang pendidikan perlu diperkasa

Antara aspek terpenting bagi meningkatkan daya saing negara adalah memperkasa bidang pendidikan kerana ia menjadi asas kepada pembangunan modal insan Malaysia bagi menyediakan tenaga kerja kompeten dan inovatif. Data menunjukkan Malaysia berada di kedudukan ke-44 dalam bidang pendidikan, maka terdapat ruang untuk penambahbaikan.

Dalam hal ini kerajaan perlu sentiasa menilai semula kurikulum pendidikan untuk memastikan ia relevan dengan keperluan industri dan perkembangan teknologi. Sumber lebih banyak perlu diperuntukkan untuk R&D dalam bidang pendidikan. Latihan guru perlu dipertingkatkan untuk memastikan mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan terkini.

Dalam menghadapi perubahan global yang pesat dan dinamik, Malaysia perlu bangkit dan mengambil langkah proaktif untuk menyesuaikan diri dalam cabaran ekonomi global.

Berpandukan strategi komprehensif dan kerjasama daripada semua pihak berkepentingan termasuk kerajaan, sektor swasta dan masyarakat, Malaysia mampu memperbaiki kedudukan daya saingnya dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan serta kesejahteraan lebih baik untuk rakyat.

